

**NO. SOALAN: 238**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**SOALAN :**

**YB. Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan bagaimana menentukan agihan jumlah pendapatan daripada cukai pelancongan kepada negeri-negeri.**

**JAWAPAN :     DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,  
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Cukai Pelancongan merupakan cukai Persekutuan di bawah Akta Cukai Pelancongan 2017 yang dikenakan terhadap pelancong asing yang menginap di premis penginapan berbayar di seluruh Malaysia. Cukai Pelancongan ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan Malaysia dan agensi yang bertanggungjawab untuk mengutip cukai ini adalah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Hasil kutipan Cukai Pelancongan ini akan diagihkan semula di mana Kementerian bercadang bagi setiap RM10.00 setiap bilik semalam (*room night*) yang dikutip, RM1.00 akan dikembalikan kepada negeri-negeri bagi tujuan promosi pelancongan yang pastinya akan memberi manfaat kepada pelancong termasuk rakyat. Ini secara tidak langsung akan membantu pertumbuhan industri kecil dan sederhana dan seterusnya menjana ekonomi setempat. Cukai ini juga akan menyediakan sokongan kewangan tambahan kepada industri pelancongan bagi tujuan aktiviti promosi dan pemasaran yang lebih agresif dan efektif.

Sekian, terima kasih.